

RM1.5b kos atasi banjir di Johor

BH 8/2

KUALA LUMPUR: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memerlukan RM600 juta hingga RM1.5 bilion bagi memperbaiki infrastruktur di enam zon banjir di Johor dalam usaha mengatasi bencana itu.

Ketua Pengarah JPS, Datuk Keizrul Abdullah, berkata peruntukan itu akan digunakan bagi kerja membina empangan dan membaik pulih infrastruktur tadahan melalui pelan jangka panjang.

Katanya, antara projek mengatasi banjir yang sudah dikenal pasti akan dilaksanakan di enam zon yang dijangka menerima peruntukan terbabit termasuk bagi pembinaan empangan, membesar dan melencongkan sungai.

Enam zon itu ialah Muar, Batu Pahat, Mersing, Kluang, Wilayah Pembangunan Iskandar dan Sungai Johor.

"Satu pelan induk membabitkan rancangan tebatan banjir dan membaik pulih empangan sedia sudah dirangka untuk tujuan itu," katanya selepas pelancaran Seminar Peta Risiko Banjir Asia Timur dan Tenggara, di sini, semalam.

Seminar tiga hari bermula semalam yang dianjurkan JPS dengan kerjasama Pusat Antarabangsa Pengurusan Risiko Air (ICHARM) Jepun itu dirasmikan Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk S Sothinathan.

Keizrul berkata, JPS perlu membuat kajian dan penelitian intensif dalam merangka pelan induk itu sebelum dihantar kepada kerajaan, kerana ia dijangka membabitkan peruntukan besar.

"Kajian yang dilaksanakan JPS diharapkan mampu memperkemas dan memperbaiki sistem kecekapan sistem saliran sedia ada dalam menangani banjir bagi mengelak kerajaan terpaksa menanggung kos tinggi akibat bencana itu setiap tahun," katanya.